

Combi mahu lebih proaktif

Aktiviti kawalan wabak, cegah denggi diteruskan di peringkat komuniti

KELANANG - Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Langat berhasrat meneruskan lagi aktiviti pasukan Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) dalam menangani wabak denggi di peringkat komuniti.

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr R Prema berkata, ia bertujuan untuk menyediakan forum untuk ahli-ahli Combi dari lokaliti yang berbeza untuk berkenalan dan berkongsi pandangan serta pengalaman di dalam aktiviti kawalan wabak dan pencegahan denggi.

Menurutnya, tahun 2016 merupakan pengalaman yang 'mengerikan' kepada Unit Kawalan Vektor PKD Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) berkaitan peningkatan kes denggi yang mendadak setiap minggu.

"Daripada 10-20 kes seminggu ke 40-67 kes seminggu pada Januari hingga April dengan lebih dari 20 lokaliti wabak dan hotspot yang aktif pada setiap minggu.

"Peningkatan kes yang mendadak ini merupakan kenaikan kes yang tertinggi di daerah kecil dan telah mendapat perhatian daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Exco Kesihatan Selangor.

"Pada ketika itu, Jawatankuasa Combi Daerah telah bermesyuarat hampir setiap minggu bagi mengatur strategi kawalan wabak secara lebih efektif," katanya ketika berucap sempena Hari Keluarga Combi 2017 Daerah Kuala Langat di Pantai Kelanang.



Antara aktiviti yang dijalankan sempena Hari Keluarga Combi 2017 di Pantai Kelanang.

Peningkatan kes yang mendadak ini merupakan kenaikan kes yang tertinggi di daerah kecil dan telah mendapat perhatian daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Exco Kesihatan Selangor. - Dr Prema

Hadir sama, bekas Pengarah Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Yahya Baba yang juga Ahli Majlis MDKL.

Dr Prema berkata, hasil daripada usaha ini dengan bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak, bilangan kes denggi dapat diturunkan serendah 14 kes seminggu pada Mei (iaitu pada minggu ke-18).

"Sejak itu, bilangan kes denggi mulai stabil di antara 10-20 kes seminggu di daerah ini sehingga ke Disember 2016.

"Pada minggu pertama Januari 2017, kes telah mula meningkat ke 33 kes seminggu, namun peningkatannya hanyalah separuh daripada peningkatan kes awal Januari 2016," katanya.

Bagaimanapun, beliau ber-

kata, tren peningkatan kes akhirnya berjaya dikurangkan seperti yang disasarkan.

"Ini bukti peranan Combi amat penting dan pasukan ini mahu lebih proaktif cegah wabak ini.

"Bagaimanapun, antara lokaliti yang paling menyerlah dan aktif merupakan lokaliti-lokaliti dari kawasan Bandar Saujana Putra," katanya.

Menurutnya, kini terdapat lebih daripada 30 pasukan Combi yang aktif dalam membantu PKD di dalam aktiviti-aktiviti search and destroy, community larvaciding, pengedaran abate dan risalah pendidikan kesihatan kepada penduduk setempat dari rumah ke rumah atau melalui kios denggi.

'Kasihlanlah pada penduduk'

Terpaksa tutup tingkap setiap masa



Laporan Sinar Harian 12 Januari lalu.

OLAK LEMPIT - Pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan diharap dapat berbincang dengan pejamu bagi menyelesaikan masalah lori yang keluar masuk menggunakan laluan penduduk Kampung Olak Lempit.

Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif berkata, tindakan penduduk membuat bantahan mengenai pengusahaan lori yang keluar masuk tidak mengikut jadual adalah wajar.

"Saya harap tindakan serius dapat dilakukan, aktiviti kerja-kerja angkut tanah atau pasir melalui kawasan penduduk juga perlu dipantau.

"Kasihlanlah pada penduduk, dengan masalah habuk, keselamatan pula terancam," katanya ketika mengulas mengenai bantahan penduduk berhubung aktiviti kenderaan berat yang keluar masuk ke projek pembangunan yang sedang dibangunkan tidak jauh dari kampung berkenaan.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan penduduk sekitar Jalan Kemat, Olak Lempit memohon pihak bertanggungjawab memantau aktiviti keluar masuk kenderaan berat yang melalui kawasan mereka bagi tujuan keselamatan.

Keanyakan penduduk juga sering merungut terpaksa berdepan dengan masalah habuk selain terpaksa menutup tingkap rumah mereka sepanjang masa.



Mohd Azhar (kanan) mewakili MDKL ketika menerima Sijil Pematuhan Saga yang telah disampaikan Che Pee.

MDKL PBT pertama terima Sijil Pematuhan Saga

BANTING - Menjadi kebanggaan buat seluruh warga Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) apabila buat julung kalinya menerima pengiktirafan Standard Accounting System for Government Agencies (Saga) di Hotel Impiana, Ipoh, Perak, baru-baru ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, MDKL diiktiraf PBT pertama di Selangor dan kedua di Malaysia yang mendapat Sijil Pematuhan Saga daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang disampaikan Akauntan Negara Malaysia, Datuk Che Pee Samsudin.

"Transisi penggunaan sistem

perakaunan yang dinamik membuatkan MDKL berani untuk guna sepenuhnya sistem Saga ini dan selama tiga tahun kami berusaha melengkapkan keperluan dalam pematuhan pelaksanaannya mengikut syarat yang ditetapkan sejak 2014 dan ternyata ia membuahkan hasil.

"Pengiktirafan ini juga sekali gus menggambarkan pengurusan kewangan MDKL yang berintegriti selaras dengan objektif Saga," katanya kepada Sinar Harian.

Mohd Azhar turut melahirkan rasa syukur kerana mempunyai sebuah pasukan pengurusan kewangan yang mantap dalam memastikan MDKL berada dalam

kelasnya tersendiri dalam pengurusan kewangan.

"Seramai enam panel penilai dari Jawatankuasa Pematuhan Saga membuat lawatan bagi menilai Sistem Perakaunan dan Kewangan MDKL iaitu Century Financial System 8.0 dan hasil penilaian mendapati ia memenuhi semua kriteria ditetapkan JANM dan ia diiktiraf tanpa bersyarat," katanya.

Bagi tujuan rekod, MDKL juga berjaya mengekalkan perakuan Sijil Bersih tanpa teguran daripada Jabatan Audit Negara bagi Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan tahun 2015 buat kali kesembilan berturut-turut.